

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: SEMPENA TAHUN BARU 2000

TEMPAT: RADIO DAN TELEVISYEN MALAYSIA (RTM)

TARIKH: 31 DEC 1999

MASA:

Alhamdulillah syukur kita ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya dapat kita sekali lagi menyambut tahun baru, iaitu tahun 2000. Tahun baru ini agak istimewa kerana ia juga menandakan permulaan abad dan alaf baru, iaitu abad ke-21 dan alaf ketiga.

2. Dengan beradanya kita di ambang tahun, abad dan alaf baru ini, sepatutnyalah kita renung sejenak akan sejarah negara kita, supaya dapat kita memperingati diri kita dari mana kita datang, supaya dengan itu kita akan dapat menentukan di mana kita berada dan ke mana kita akan pergi.

3. George Santayana, seorang penulis dan ahli falsafah Barat telah berkata 'mereka yang tidak belajar dari sejarah mereka akan didera dengan mengulangi kesalahan-kesalahan mereka berkali-kali'. Kita sudah tentu tidak ingin mengulangi kesalahan-kesalahan kita di zaman silam. Oleh itu amatlah penting kita mempelajari daripada sejarah kita.

4. Sejarah negara kita daripada penulisan, cerita-cerita dan bukti-bukti arkiologi lain adalah sepanjang hampir dua alaf. Negeri-negeri Melayu mula dikenali lebih daripada 800 tahun dahulu. Negeri-negeri ini merdeka tetapi terbahagi kepada negeri-negeri yang kecil dan lemah yang sering diserang oleh negara-negara jiran. Hanya kecekapan memainkan satu kuasa dengan kuasa lain yang mengekalkan negeri Melayu sebagai milik bangsa Melayu.

5. Tetapi pada tahun 1511 apabila Melaka jatuh ke tangan Portugis bermulalah sejarah hitam bagi negeri-negeri Melayu.

6. Kejatuhan Melaka memberi banyak pengajaran bagi kita. Yang pertamanya tentera Sultan Melaka tidak tersusun kemas, tidak terlatih, tidak mempunyai panglima-panglima perang yang profesional. Raja, anak raja, pembesar-pembesar lain semuanya menganggap diri mereka sebagai panglima balatentera. Bentara dan hulubalang tidak tersusun rapi. Arah-anarahan semasa berperang tidak mempunyai makna yang tepat. Tidak ada

disiplin dan taktik peperangan dan tidak ada 'standing army'.

7. Balatentera Sultan Melaka memang besar dan mempunyai gajah perang manakala pasukan Portugis kecil. Tetapi berhadapan dengan pasukan Portugis yang lebih tersusun dan berdisiplin, dengan senjata canggih seperti senapang 'muzzle-loaders', balatentera Sultan Melaka ditewaskan dengan mudah sahaja.

8. Ini adalah pelajaran yang pertama yang perlu kita ingati dan serapkan ke dalam budaya kita. Susunan yang rapi, kepimpinan yang bertanggungjawab secara khusus, disiplin dan ketertiban, perintah-perintah yang spesifik, latihan dan taktik adalah penting bagi menjayakan sesuatu perjuangan.

9. Kekalahan Kerajaan Melaka ditangan Portugis bukan sahaja kerana ditewaskan di medan perang tetapi juga kerana penderhakaan beberapa tokoh dalam Kerajaan Melaka. Pembelot dan penderhaka ini memang manusia yang terkutuk kerana mereka lebih mengutamakan kepentingan diri.

10. Ini merupakan pelajaran yang kedua, yang sama penting dengan yang pertama. Mereka yang bersubahat dengan musuh adalah lebih buruk daripada musuh. Kerana kepentingan diri mereka sanggup menjual bangsa dan negara.

11. Kejatuhan Melaka mempengaruhi sejarah negeri-negeri Melayu sehinggalah pertengahan abad ke-duapuluh. Sehingga tarikh itu orang Melayu merasai diri mereka rendah dan hina apabila berdepan dengan orang kulit putih. Mereka tidak percaya mereka boleh buat apa-apa termasuk memerintah negeri-negeri mereka sendiri.

12. Selepas kejatuhan Melaka kelemahan semangat orang Melayu menyebabkan satu demi satu daripada negeri-negeri Melayu jatuh ke tangan orang kulit putih. Kerapkali kemasukan orang kulit putih dan penjajahan mereka disebabkan oleh perebutan takhta oleh raja-raja Melayu. Pihak yang lemah atau tidak berhak biasanya meminta pertolongan kuasa asing dari Barat. Janji yang dibuat ialah layanan yang istimewa akan diberikan kepada orang putih yang menolong mereka. Dengan itu Belanda dan British dapat mendirikan pusat-pusat dagangan atau 'trading stations' yang memonopolikan semua dagangan negeri Melayu.

13. Demikian Pulau Pinang dan Dinding diserahkan kepada British. Kemudian apabila pelombong Cina berperang sesama sendiri dengan disokong oleh pembesar-pembesar Melayu tertentu, British menghantar pasukan bersenjata untuk mengawal keadaan. Selepas itu Raja meminta British menasihati Kerajaan Perak dan mengikut seperti biasa, bukan memberi nasihat tetapi memberi

arahan yang mesti diterima. Akhirnya semua negeri-negeri Melayu dikuasai oleh British melalui penasihat atau 'Adviser' mereka. Maka tertaklukkan seluruh Semenanjung serta Sarawak.

14. Pengabdian bangsa Melayu kepada British menjadi total kerana orang Melayu hilang kepercayaan kepada diri sendiri. Apabila orang Melayu diketepikan dan perniagaan serta urusan Kerajaan diserahkan kepada orang Cina dan India, tidak ada protes daripada orang Melayu. Sementara orang Cina dan India mengejar pelajaran di sekolah Inggeris, orang Melayu menolak sekolah Inggeris kerana takut dikristiankan. Maka semakin lemah dan miskinlah orang Melayu. Pada satu masa bilangan orang Melayu di Malaya menjadi kurang daripada orang Cina dan India. Jika tidak kerana kemelesetan ekonomi pada dekad kedua dan ketiga yang menyebabkan ramai orang Cina kembali ke China, peratusan orang Melayu di Malaysia mungkin seperti di Singapura sekarang. Jika peratusan ini rendah kemerdekaan Malaysia tentulah dituntut dan dikuasai oleh bukan Melayu.

15. Keyakinan British bahawa orang Melayu tidak akan menentang apa sahaja yang dibuat kepada bangsa mereka dan negeri-negeri Semenanjung menyebabkan British merancang untuk menyatukan negeri-negeri Melayu selepas Perang Dunia Kedua dan memerintah sebagai tanah jajahan terus. Raja-raja Melayu akan hanya berkuasa terhadap adat-istiadat dan agama sahaja. Semua penduduk Malaysia akan diberi hak kerakyatan yang sama, bahkan orang bukan Melayu boleh mengekalkan kerakyatan negara asal mereka di samping kerakyatan Malaya, iaitu memiliki 'dual citizenship'.

16. Pada saat ini barulah orang Melayu sedar bahawa mereka akan kehilangan tanahair mereka sama-sekali. Barulah mereka memberanikan diri untuk menentang rancangan Malayan Union British. Senjata yang mustajab yang digunakan oleh orang Melayu ialah perpaduan dan pendirian yang sama dalam menangani masalah yang dihadapi. Mereka baru sedar yang mereka adalah orang Melayu dan bukan rakyat negeri-negeri Melayu yang berasingan.

17. Perpaduan dan kata sepakat mereka dalam menentang Malayan Union memaksa Malayan Union digantikan dengan Federation of Malaya dengan kerakyatan dihadkan kepada pemastautin yang betul-betul setia kepada Persekutuan ini.

18. Perpaduan orang Melayu semasa Malayan Union disebabkan oleh himpitan dari luar dan bukan berpunca daripada nasionalisme semula jadi. Apabila sahaja himpitan dari luar ini sudah tidak ada atau terselindung maka perpaduan orang Melayu pun mulai retak dan seperti dengan raja-raja dahulu yang merebut takhta, orang Melayu pun kembali merebut tempat dalam Malaysia yang maju dan kaya.

19. Kita mungkin berfikir bahawa Malaysia tetap akan merdeka selama-lamanya dan orang Melayu tetap akan berkuasa dan negara tetap akan kaya raya. Kita mungkin percaya bahawa kita akan memasuki abad dan alaf baru dengan keadaan negara kita yang tidak berubah, dengan kita terus merdeka dan berdaulat.

20. Tetapi bekas penjajah sudah merancang untuk menjajah kita semula. Kali ini cara lain akan diguna untuk menakluk negara kita. Cara ini diperkenal sebagai globalisasi dan dunia tanpa sempadan.

21. Interpretasi globalisasi oleh mereka ialah kebebasan modal (milik mereka) melintasi sempadan dan mengatasi sebarang sekatan terhadap penguasaan modal ke atas ekonomi mana-mana negara. Kononnya dengan kebebasan modal maka kemiskinan boleh dihapuskan di seluruh dunia.

22. Mereka hendaklah bebas membeli semua bank dan perniagaan-perniagaan kecil dan besar supaya akhirnya akan ada dalam dunia ini hanya beberapa bank dan perniagaan gergasi milik negara kaya sahaja. Semua eksekutif dan pekerja akan bekerja untuk mereka jika khidmat mereka masih diperlukan. Yang lain akan digugur supaya pembaziran dihapus demi 'efficiency'.

23. Sebagai contoh kereta nasional kita akan diganti dengan kereta jenama antarabangsa dan kita akan mengeluarkan komponen kereta berjenama dan mungkin memasang kereta-kereta ini. Demikian juga semua keluaran barangan perkilangan akan diambilalih oleh mereka. Demikian juga dengan hotel, restoran makanan segera, syarikat penerbangan, syarikat perkapalan, pemborong semua jenis komoditi, media elektronik, akhbar, majalah serta perniagaan-perniagaan dan perusahaan lain. Penyatuan (mergers), pengambilan-alih (acquisition), sama ada secara baik (friendly) atau bermusuhan (hostile) akan dilakukan oleh yang besar dan yang kaya supaya yang kecil dan lemah dihapuskan.

24. Yang anehnya ialah sementara modal bebas bergerak melintasi sempadan, manusia tidak boleh. Yang miskin dan daif akan dikurung dalam kandang sempadan negara masing-masing supaya tidak mencemar negara yang kaya.

25. Inilah dunia tanpa sempadan, inilah globalisasi. Yang kaya akan menjadi lebih kaya dan yang miskin akan bekerja untuk memperkayakan lagi yang kaya. Memang negara miskin juga bebas untuk menembusi pasaran yang kaya tetapi apakah yang ada pada mereka untuk dijual di pasaran yang kaya yang belum diambilalih oleh pemodal gergasi dari negara yang kaya?

26. Kita di Malaysia dan di negara-negara Asia Timur telah berpeluang merasai sedikit akan kesan dunia tanpa

sempadan ini. Negara-negara yang terkenal sebagai harimau ekonomi, yang telah berjaya membangunkan negara sendiri dengan begitu pesat, yang mampu bersaing dengan negara maju, tiba-tiba mengalami keruntuhan ekonomi yang teruk. Segala-gala yang dibangunkan selama tiga dekad runtuh dan hancur dalam hanya beberapa minggu sahaja. Kononnya kerana korupsi, kronisme, tidak telus maka matawang dan nilai saham jatuh. Jika korupsi dan lain-lain ini boleh menjatuhkan nilai matawang kenapa hanya pada Julai 1997 sahaja perkara ini berlaku? Apakah korupsi hanya berlaku pada bulan Julai 1997?

27. Hakikatnya ialah penyangak matawang dan pelabur jangka pendek telah sengaja menjatuhkan nilai wang dan saham untuk mendapat keuntungan besar. Mereka memusnahkan ratusan bilion dolar kekayaan negara Asia Timur untuk mendapat hanya berpuluh bilion dolar keuntungan bagi pemodal mereka. Berjuta pekerja hilang mata pencarian, sementara rusuhan dan pembunuhan berlaku. Kerajaan jatuh dan negara hilang kestabilan politik, ekonomi dan sosial.

28. Inilah hasil sebenar globalisasi, dunia tanpa sempadan dan kebebasan gerakan modal yang dapat kita lihat. Apabila mereka sudah beli semua bank dan perusahaan/perniagaan dengan harga yang murah, maka mereka akan pulihkan semula ekonomi. Tetapi rakyat negara yang diserang sudah tidak lagi memiliki apa-apa. Bukan sahaja ekonomi akan terlepas ke tangan penjajah Barat tetapi politik juga akan dikuasai oleh mereka. Kebebasan dan kedaulatan sudah pun hilang. Inilah pengalaman daripada peristiwa kegawatan yang dialami baru-baru ini.

29. Segala-gala ini bukan ramalan, bukan khayalan. Segala-gala ini sudahpun berlaku. Bahawa ia tidak berlaku di negara ini bukanlah kerana penjajah moden tidak mencuba. Mereka cuba dan mereka hampir berjaya. Tetapi Alhamdulillah kita dapat menangkis percubaan ini dan kita dapat memulihkan negara kita.

30. Namun kita belum selamat. Percubaan sedang dibuat lagi. Jika tidak kerana rusuhan menentang WTO di Seattle mungkin sebahagian lagi daripada sempadan kita akan dapat diruntuhkan. Tetapi mereka akan mencuba lagi.

31. Inilah cabaran alaf baru. Apakah kita bersedia untuk menghadapi dan mengatasinya? Ternampak seolah-olah kita sudah lupa pengajaran sejarah atau 'the lessons of history'. Kita dijajah dahulu kerana tidak berdisiplin, kerana perebutan tempat dan kuasa. Yang lemah meminta pertolongan asing. Jika yang lemah berjaya kerana bantuan bakal penjajah, benteng pertahanan akan runtuh dan kita akan dijajah semula. Jelas sekali kita belum bersedia menghadapi cabaran alaf baru. Tabiat dan budaya lama yang menyebabkan kita dijajah selama empat setengah abad masih ada pada

kita, khususnya pada orang Melayu.

32. Kerana Kerajaan melindungi kita; kerana Kerajaan membangunkan kita dan menangkis tekanan asing dengan jayanya, kita berasa selamat dan tidak lagi perlu kepada perpaduan dan ketertiban. Ada antara kita yang berkata perlindungan yang diberi oleh Kerajaan kepada kaum yang lemah adalah satu diskriminasi yang tidak adil, bahkan tidak secocok dengan ajaran Islam. Perjuangan untuk bangsa dan negara sudah tidak diperlukan lagi. Yang utama ialah merebut nikmat yang ada walaupun ini akan menamatkan perpaduan di kalangan kita.

33. Alhamdulillah, perebutan ini tidak berjaya dan tidak menghancurkan kesemua benteng yang telah kita dirikan. Rakyat Malaysia daripada berbagai kaum telah menentukan negara terus memiliki Kerajaan yang berwibawa yang boleh menghadapi cabaran alaf baru. Tetapi bibit-bibit perpecahan sudah disemai di kalangan rakyat dan sedang menular.

34. Dakyah asing sudah diterima oleh sesetengah daripada rakyat dan sedang disebar oleh mereka. Bahawa tuduhan yang dibuat oleh orang asing tidak berasas tidak mengapa. Yang penting ialah tuduhan-tuduhan ini mudah dipercayai dan boleh diguna untuk menjayakan perebutan yang sedang diusahakan.

35. Semasa Kerajaan menumpu kepada mempertahankan negara daripada serangan luar, masa itulah yang terbaik bagi menyerang dari belakang. Cabaran alaf baru tidak harus menghentikan perebutan tempat melalui pemupukan perasaan kebencian terhadap pihak tertentu.

36. Rakyat Malaysia boleh bergembira semasa menyambut abad dan alaf baru. Tetapi kita tidak boleh sambut dengan rela hati globalisasi yang akan datang bersama. Kita perlu sedar bahaya sistem globalisasi ciptaan Barat. Kita perlu ubahsuai sistem ini supaya masa depan kita terpelihara.

37. Ingatlah semua ideologi dan sistem Barat akhirnya gagal. Demikian feudalisme, sistem pemerintahan 'absolute' oleh raja, republikanisme, diktator, Komunisme dan Sosialisme. Liberal demokrasi dan kapitalisme bebas yang diperkenal sekarang juga tidak akan kekal. Globalisme juga akan menerima nasib yang sama. Malangnya sebelum sesuatu sistem atau ideologi dapat ditolak, ramai yang akan terkorban.

38. Justeru itu, hendaklah kita berhati-hati dan menyusun langkah bagi membolehkan kita mengelak daripada menjadi korban mereka. Hendaklah kita rapatkan barisan kita dan kita ketepikan perbezaan yang boleh memecahkan kita serta kita menghadapi cabaran yang akan datang dengan penuh semangat dan ketahanan.

Mudah-mudahan kita akan berjaya lagi dan negara tercinta ini akan terus bebas, merdeka dan maju.

39. Dengan peringatan ini maka saya mengucapkan selamat menyambut tahun, abad dan alaf baru kepada semua rakyat Malaysia.